

13/08/1997

Kebersihan alam sekitar tanggungjawab bersama

Abdul Jalil Ishak

GESAAN Exco Kesihatan dan Alam Sekitar negeri Perak, Lee Chee Leong ketika merasmikan majlis sambutan Minggu Alam Sekitar, anjuran Unit Pendidikan Alam Sekitar, Jabatan Kaji Sosial, Institut Perguruan Sultan Idris (IPSI) Tanjung Malim, baru-baru ini, agar tanggungjawab menyemai dan menanam sifat cintakan alam sekitar yang bersih dipikul bersama antara pihak kerajaan, swasta dan anggota masyarakat, patut diambil perhatian semua pihak.

Menurut Lee, kerajaan memperuntukkan berjuta-juta ringgit setiap tahun, semata-mata untuk menjaga persekitaran tempat tinggal dan tempat tumpuan orang ramai sentiasa dalam keadaan bersih dan tidak dicemari pelbagai agen pengotoran. Namun begitu, sikap sesetengah golongan masyarakat masih tidak berubah dalam menangani masalah kebersihan.

Ingatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri, baru-baru ini, terhadap masalah kekotoran di sekitar pusat membeli belah di Lot 10, ibu kota membuktikan bahawa tahap keperihatinan masyarakat terhadap masalah alam sekitar, terutama mengenai pembuangan sampah sarap, masih pada takuk yang lama dan amat dikesali. Dalam nada keras, Perdana Menteri mengajak setiap anggota masyarakat berfikir adakah wajar tugas membersihkan sampah sarap itu diletak pada bahu orang lain, sedangkan kerajaan memberikan kemudahan kepada warga kota untuk menikmati pelbagai kemudahan prasarana termasuk tempat beristirahat, tetapi dibiarkan saja dalam keadaan kotor dan sampah sarap bertaburan di merata tempat.

Sesungguhnya manusia diutus di muka bumi ini untuk memakmurkan dunia di samping menjaga keselamatan dan kebahagiaan seluruh isi alam termasuk manusia sendiri, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Namun begitu, sejak wujudnya dunia lagi, pelbagai kerosakan dan kemudaratan sudah dilakukan dari masa ke semasa dan ini membuktikan bahawa selagi dunia masih wujud, kerosakan muka bumi akan terus berlaku. Jika kita semua dapat mengambil iktibar terhadap kepemimpinan baginda Rasulullah SAW dalam mengurus, menjaga dan memulihara alam semesta ini, tentulah kerosakan terhadap pelbagai jenis kehidupan di muka bumi ini dapat diminimumkan.

Sehubungan ini, Allah mengingatkan kita menerusi firman-Nya yang membawa maksud: "Berlakulah kerosakan di daratan dan di lautan oleh kerana usaha manusia sendiri, sehingga Allah merasakan pada mereka sebahagian azab daripada perbuatan mereka itu, agar mereka kembali ke jalan yang benar ..." (Surah ar-Rum ayat 30:41). Dalam konteks ini, kita tidak dapat menafikan bahawa kejadian penceritaan pembunuhan Habil oleh abang kandungnya sendiri, Qabil, merupakan ingatan Allah kepada kita akan kekejaman manusia sendiri dalam menjana kehidupan sebagai makhluk Allah di muka bumi ini.

Allah berfirman dalam surah al-Maidah ayat 5:31, menyentuh sikap tidak puas hati terhadap pemilihan jodoh ditentukan bapa kedua beradik itu, iaitu Nabi Allah Adam sendiri. Selepas Habil dibunuh, Qabil tidak dapat berbuat apa-apa kerana tergamam dan kesal dengan tindakan sendiri, lalu Allah menurunkan dua ekor burung dan bertarung sehinggalah mati salah seekor daripadanya.

Allah menggambarkan bahawa burung yang masih hidup itu mengorek lubang di atas tanah dengan paruhnya yang tajam, lalu menanam burung yang mati itu di dalam lubang yang digali. Perbuatan burung itu menjadi iktibar kepada Qabil dan menanam mayat adiknya di dalam lubang yang digalinya sendiri.

Sesungguhnya setiap kejadian yang terdapat di muka bumi ini ada manfaatnya kepada setiap makhluk, terutama manusia, seperti yang diterangkan di dalam al-Quran sendiri, menerusi Surah an-Nahl 16:10, yang membawa maksud: "Dia(Allah) yang menurunkan air dari langit, di antaranya untuk minuman kamu dan di antaranya untuk tumbuh-tumbuhan, di sana kamu menggembalakan ternakanmu ..." Daripada keterangan yang di atas, dapatlah dikatakan bahawa konsep dan isu alam sekitar bukan sekadar menjaga kebersihan dan membenteras pencemaran saja, malahan ia membabitkan pelbagai masalah yang lebih besar. Manakala kesedaran alam sekitar bukan setakat usaha melarang pengusaha atau pemaju perumahan menebang pokok untuk projek perumahan mereka, atau menjaga sistem perparitan supaya bangunan tinggi yang dibina di lereng bukit tidak runtuh.

Pemimpin masyarakat dan proponen gerakan kesedaran tentang alam sekitar ini sering mengungkapkan aspek kesedaran terhadap alam sekitar bagi meneruskan usaha berkesinambungan ke arah mewujudkan kelestarian alam sekitar sepanjang zaman. Kesedaran alam sekitar ini boleh dibahagikan kepada beberapa tahap, iaitu:

- * Kesedaran environmen dari segi ekonomi
- * Kesedaran environmen dari segi sains
- * Kesedaran environmen dari segi estetika
- * Kesedaran environmen dari segi etika dan moral
- * Kesedaran environmen dari segi agama

Kesedaran environmen dari segi ekonomi mencakupi tanggapan bagaimana kepergantungan environmen itu sendiri dilihat dari segi ekonomi atau kepergantungan dari sudut materialisme. Malaysia misalnya, mempunyai pelbagai khazanah rimba berbiodiversiti tinggi. Apakah manusia akan menggunakan khazanah ini semata-mata untuk tujuan menambahkan kekuatan ekonomi individu atau organisasi atau secara alternatif, perlu dilihat dari segi kegunaannya dalam bidang penyelidikan sains dan teknologi. Inilah dilema yang sering dihadapi masyarakat dan pemimpin dunia, dalam meletakkan alternatif terunggul dalam menilai status permasalahan alam sekitar masa kini.

Khazanah rimba dan hidup-hidupan semula jadi dari pelbagai spesies ganjil di rimba Malaysia misalnya, tentu sekali dapat dinilai dalam konteks estetika, yakni sudut kejadiannya yang unik dan ganjil yang tidak terfikir oleh akal manusia, sebagai kejadian daripada Allah Subhanahu Wataala. Manusia akan mendapat banyak manfaat jika bersedia mengakui kebesaran Allah berdasarkan segala keunikan hidup-hidupan di muka bumi ini, dengan koloni dan populasi yang berbeza, mengikut habitat dan ekologi masing-masing.

Dari sudut agama pula, kita dapat merumuskan bahawa setiap kejadian di muka bumi ini semenagnya dijadikan Allah Subhanahu Wataala dengan kejadian yang amat teratur sekali, dan tidak perlu diubah suai kerana pengetahuan Allah maha luas dan maha besar. Perhatikanlah firman Allah dalam Surah al-Insyiqaq ayat 84:1-5 yang menyentuh tentang peraturan yang ditetapkan Allah dalam proses kejadian dan kehancuran dunia ini:

"Apabila langit terbelah dan patuh kepada Tuhan-Nya dan semestinyalah langit itu patuh dan apabila bumi diratakan dan memuntahkan apa yang ada di dalamnya dan menjadi kosong dan patuh kepada Tuhan-Nya dan sudah semestinyalah bumi itu patuh, (pada waktu itu manusia akan mengetahui akibat perbuatannya).

(END)